

07/04/2004

Teleton Ansara kumpul RM1.13j

KUALA LUMPUR: Sebanyak RM1.13 juta berjaya dikumpul Tabung Harapan Ihsan Ansara (Tabung HIP) melalui kempen mengutip derma 'National Telethon for Education' anjuran Persatuan Bekas Pelajar MRSM Malaysia (Ansara), bermula daripada 1 Februari hingga 15 Mac lalu.

Tabung HIP itu yang dilancarkan Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali 10 Februari lalu, mendapat sumbangan ahli korporat dan individu melalui sistem khidmat pesanan ringkas (SMS) serta Karnival Ansara yang diadakan 21 Februari lalu.

Presiden Ansara, Datuk Mukhriz Mahathir, berkata, derma yang dikumpul akan digunakan bagi menjayakan program membantu pelajar sekolah rendah dan menengah yang menghadapi kesulitan meneruskan pelajaran.

Mukhriz berkata, pada masa ini, Ansara hanya menumpukan pusat tuisyen di Lembah Klang sebelum mendirikan pusat tuisyen di negeri lain bagi membantu pelajar di kawasan berkenaan.